

PM mahu usahawan Malaysia

Oleh Kadir Dikoh

BA 2018/03

SUBANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu usahawan Malaysia merebut kesempatan menerokai perdagangan di negara Islam yang kini bersikap terbuka terutama kepada negara ini, untuk memperluaskan lagi kerjasama ekonomi.

Perdana Menteri, yang kesal kerana belum ada usahawan tempatan berbuat demikian, berkata mereka perlu mempa-

merkan produk tempatan bagi menarik minat pengguna Islam di seluruh dunia yang mula tertarik kepada Malaysia sebagai negara Islam maju yang boleh dicontohi.

"Nampak mereka (negara Islam) berminat, tapi orang kita tidak begitu agresif. Kita tak pergi sana, kita tak pamer walaupun ada barangan kita yang boleh kita pasar di sana.

"Dengan itu mereka beli barangan dari Korea dan negara lain," katanya pada sidang akhbar di

Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini sekembalinya selepas lawatan ke Algeria, Swaziland dan Syria, semalam.

Dr Mahathir berkata, ketika merasmikan bilik pameran Proton Berhad di Damsyik kelmarin, ramai pengunjung yang meminati kereta nasional Malaysia itu.

Katanya, Damsyik mempunyai potensi yang baik untuk memasarkan kereta nasional Proton kerana rakyat Syria itu

teroka negara Islam

menganggap Proton sebagai produk lebih baik daripada kebanyakan kereta lain dalam kategori sama.

Berucap pada sesi dialog dengan ahli perniagaan Syria-Malaysia, malam kelmarin, Dr Mahathir berkata, Malaysia berhasrat meluaskan perdagangan dengan negara Islam termasuk Syria.

Lawatan dua hari itu adalah atas jemputan Presiden Dr Bashar Al-Assad dan ketika berada di Damsyik, beliau turut menyaksi-

kan majlis menandatangani 12 perjanjian persefahaman (MoU) dan perjanjian antara kedua-dua kerajaan dan syarikat swasta.

Di Swaziland, Dr Mahathir menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID).

Perdana Menteri berkata, pemimpin Algeria, Swaziland dan Syria yang ditemuinya menyatakan minat untuk mengadakan hubungan lebih rapat dengan Malaysia.

"Ramai daripada mereka menganggap Malaysia sebagai

contoh yang baik bagi mereka. Saya nampak mereka begitu mesra terutama Algeria dan Syria... mereka nak kerjasama rapat dengan Malaysia, menjemput Malaysia untuk melabur di sana dan mengambil peluang daripada sikap terbuka mereka terutama kepada Malaysia," katanya.

Mengenai permintaan Syria supaya Malaysia memainkan peranan utama untuk menyatukan

LIHAT MUKA 2 ►

Tiada cadangan jemput ketua negara bukan anggota OIC

► DARI MUKA 1

dunia Islam atas kedudukannya menerajui Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Dr Mahathir berkata bukan saja Syria, malah banyak negara lain turut membuat desakan yang sama.

Katanya, Malaysia akan berusaha sedaya upaya yang boleh untuk membantu apa yang sepatutnya dilakukan demi perpaduan ummah.

Beliau juga berkata, Presiden Algeria, Abdelaziz Bouteflika dan Presiden Syria, Bashar Al-Assad mengesahkan akan hadir pada Sidang Kemuncak OIC di Putrajaya Oktober ini.

Dr Mahathir berkata, mereka menyatakan hasrat itu ketika beliau bertemu keduanya secara berasingan sempena dalam lawatan ke negara terbabit.

Ditanya sama ada Malaysia akan menjemput negara atau ketua kerajaan di luar OIC seperti Presiden George W Bush untuk

mengadakan dialog dengan pemimpin Islam pada sidang kemuncak itu, Perdana Menteri berkata beliau tidak terfikir Presiden Amerika Syarikat itu akan dijemput.

"Tetapi kalau ada sesiapa yang ingin datang (hadir di OIC) dan kalau tak melanggar peraturan, kita akan jemput," katanya.

Kepada soalan sama ada Presiden Russia, Vladimir Putin akan hadir sebagai pemerhati berikutan minat negara itu untuk menyertai OIC sama ada sebagai anggota atau pemerhati pertubuhan itu, Dr Mahathir berkata, beliau tidak mengetahui perkara itu atau sama ada jemputan sedemikian sudah dilakukan.

Katanya, jemputan kepada negara di luar OIC bagi menghadiri sidang kemuncak itu adalah urusan Sekretariat OIC.

"Saya tak tahu lagi. Ini urusan Sekretariat OIC. Sekretariat OIC belum lagi ada di sini. Kalau mereka nak jemput, kita terima saja," katanya.